

KPDNHEP rampas gula-gula Ghost Smoke

KOTA BHARU – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Negeri Kelantan semalam merampas gula-gula Ghost Smoke Cool Fruit Powder berhampiran sebuah sekolah dekat ini.

Pengaruhnya, Adnan Abd Rahman berkata, pemeriksaan di premis itu menemui 40 unit gula-gula Ghost Smoke yang dipercayai dijual kepada pelajar dengan harga 50 sen seunit.

“Pemeriksaan sedang dijalankan bagi mengenal pasti pembekal barang tersebut. Siasatan akan dijalankan di bawah Akta Perihal Dagangan 2011. Denda tidak melebihi RM250,000 bagi suatu pertubuhan perbadanan tidak lebih RM100,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya jika membabitkan individu.

Sementara itu di Terengganu, Ahli Parlimen Setiu, Shaharizukirnain Abdul

HARI : RABU
TARIKH : 24/7/2019
M/SURAT : 36

Kadir mahu penjualan Ghost Candy diharamkan bagi menghalang tabiat merokok dalam kalangan pelajar selain dibimbangi memudaratkan kesihatan.

Katanya, video murid menghisap Ghost Candy dan vape yang tular baru-baru ini sangat membimbangkan.

“Sehingga kini, kerajaan hanya menge luarkan kenyataan menghentikan penjualan gula-gula tersebut dan tiada arahan mengharamkan pengambilannya,” katanya.

Beliau turut mencadangkan larangan pengambilan vape di tempat awam berikut an kajian Pusat Racun Negara bahawa rokok elektronik mengandungi nikotin penyebab ketagihan dan membawa kepada kematian.

“Larangan ini juga sebagai usaha mendidik masyarakat menghindari vape seka li gus mampu membuang tabiat berani pelajar menghisap vape secara terbuka,” katanya.